

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kajian inventori budaya etnik Molbog adalah salah satu usaha untuk merekodkan dan mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan orang Molbog. Usaha ini dilakukan untuk memelihara dan memartabatkan budaya etnik Molbog. Bagi mencapai objektif kajian inventori budaya ini, data-data yang didokumentasikan telah digunakan sebagai asas kepada penulisan buku inventori budaya etnik ini.

1.1 Objektif

Objektif inventori budaya etnik Molbog adalah seperti berikut:

- Menghimpun maklumat dan fakta budaya etnik dalam bentuk inventori budaya.
- Menunjukkan keunikan dan teladan ciri-ciri budaya etnik Molbog
- Memberi peluang kepada orang perseorangan menyumbang dan mengetengahkan maklumat-maklumat dan ciri-ciri budaya etnik Molbog.
- Menghasilkan dokumentasi budaya selaras dengan usaha-usaha yang terdapat di negeri Sabah.
- Menyediakan rujukan budaya etnik untuk kegunaan dan rujukan pelbagai pihak.

1.2 Metodologi Inventori Budaya Etnik

Maklumat inventori budaya etnik ini diperolehi melalui satu kajian bersama Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Persatuan Bangsa Molbog Sabah. Metodologi yang digunakan bagi kajian inventori budaya ini adalah melibatkan kajian etnografi secara langsung ke lapangan dengan menggunakan beberapa kaedah seperti pemerhatian, temubual mendalam, dokumentasi gambar dan video. Kajian etnografi adalah kajian mengenai kebudayaan atau cara hidup secara deskriptif dan mementingkan struktur daripada analisis makna kebudayaan sesuatu masyarakat (Norazit Selat, 1993).

Penyelidikan ini juga melibatkan kumpulan penyelidik daripada Universiti Malaysia Sabah mewakili Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah untuk memberi panduan kepada Persatuan Bangsa Molbog dalam memandu penyelidikan kajian inventori ini. Persatuan

Bangsa Molbog telah ditubuhkan pada 21 September 2014 dengan melantik En. Tingkahan sebagai Presiden Persatuan ini melalui satu mesyuarat peringkat kampung. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh penduduk Kampung Maliyu dan Kampung Damaran.

Inventori budaya etnik ini juga dijalankan sendiri oleh orang perseorangan etnik Molbog yang ditaja oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Inventori budaya etnik ini telah dibuat bermula dari bulan Mei 2013. Inventori budaya ini menghadapi beberapa limitasi dalam menjalankan kajian seperti kekurangan masa yang terhad, kekurangan tenaga pengkaji, kewangan dan kakitangan yang berpengalaman untuk menjalankan penyelidikan dan temubual dengan informan.

Kajian Inventori Budaya ini telah dijalankan di kedua buah kampung merangkumi 13 aspek budaya etnik Molbog iaitu latar belakang etnik, aktiviti sosioekonomi, adat istiadat dan pantang larang, kepercayaan dan amalan, makanan tradisional, permainan dan sukan rakyat, perayaan dalam komuniti, alat muzik dan tarian tradisional, pakaian tradisional, senibina rumah dan kraftangan, adat istiadat perkahwinan, perubatan dan amalan tradisional serta strata sosial dan lapisan masyarakat.